

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **TUAN FONG KUI LUN**
KAWASAN : **BUKIT BINTANG**
TARIKH : **2 OGOS 2017**
NO. SOALAN : **12**

SOALAN

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan pelaburan, perdagangan dan industri dua hala antara Malaysia dan China dan apakah hasil dan faedah yang negara peroleh dari kerjasama ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Negara China adalah rakan dagang terbesar Malaysia untuk 8 tahun berturut-turut bermula tahun 2009 sehingga 2016. Malaysia pula, adalah rakan dagang global ke-7 terbesar China dan kedua terbesar di kalangan negara anggota ASEAN pada tahun 2016. Perdagangan Malaysia dengan China bernilai RM240.91 bilion, iaitu peningkatan 4.4% berbanding tahun 2015.
2. Perdagangan dua hala Malaysia-China akhir-akhir ini telah mencatatkan pertumbuhan yang pesat. Bagi tempoh Januari hingga Mei 2017, perdagangan dengan China melonjak 32.6% kepada RM116.57 bilion. Eksport ke China bernilai RM50 bilion, iaitu 44.3% lebih tinggi berbanding tempoh yang sama tahun sebelumnya, didorong oleh eksport barangan E&E, keluaran petroleum, kimia dan bahan kimia, keluaran getah serta gas asli cecair (LNG). Import dari China meningkat 24.9% kepada RM66.57 bilion.
3. Dari segi pelaburan, jumlah yang diluluskan dari negara China adalah sebanyak RM4.8 bilion dalam sektor pembuatan bagi tahun 2016. Pelaburan ini melibatkan 33 projek dan dijangka akan menjana 10,147 peluang pekerjaan. Jumlah pelaburan dari negara China telah menunjukkan peningkatan yang besar berbanding tahun 2015, iaitu sebanyak 155%.
4. Pelaburan yang diluluskan dari negara China pada tahun 2016 merupakan pelaburan langsung asing yang terbesar diterima negara,

11

diikuti dengan Belanda (RM3.2 bilion), Jerman (RM2.6 bilion), United Kingdom (RM2.6 bilion) dan Korea Selatan (RM2.2 bilion). Daripada jumlah pelaburan ini, sektor industri barangan elektronik dan elektrik mencatatkan pelaburan langsung asing yang tertinggi dari negara China iaitu sebanyak RM1.8 bilion, diikuti dengan industri barangan galian bukan logam (RM1.4 bilion), industri barangan logam asas (RM1.3 bilion) dan industri kayu & barangan kayu (RM40.2 juta).

5. Antara hasil dan faedah yang diperoleh negara melalui kerjasama pelaburan dengan China termasuk:

(i) **Melengkapkan Ekosistem Rantai Bekalan Industri Tempatan**

Projek-projek pelaburan baru akan memberi peluang perniagaan kepada industri tempatan dari aspek pengurusan rantai bekalan. Sumber bekalan bahan mentah tempatan, perkhidmatan logistik, penyewaan gudang dan kilang, bekalan utiliti, air dan pembedungan adalah contoh limpahan peluang perniagaan yang bakal wujud kepada industri tempatan sebagai salah satu dari ekosistem rantai bekalan sesebuah projek pelaburan.

(ii) **Meningkatkan Penggunaan Tenaga Kerja Tempatan dan Kurangkan Kadar Pengangguran**

Matlamat utama Kerajaan bagi menggalakkan pengaliran masuk pelaburan asing termasuk dari negara China adalah untuk meningkatkan penggunaan tenaga kerja tempatan dan mengurangkan kadar pengangguran dalam negara.

Dengan adanya projek-projek perkilangan dan infrastruktur yang baru, banyak peluang pekerjaan akan diwujudkan dan seterusnya mengurangkan kadar pengangguran dalam negara. Sebagai contoh, bagi projek perkilangan yang melibatkan pelaburan dari negara China, sebanyak 57,300 peluang pekerjaan telah diwujudkan kepada rakyat Malaysia setakat 2016.

(iii) Pemindahan Teknologi

Kerajaan Malaysia menggalakkan pelaburan dalam bidang baru yang berteknologi tinggi, berintensifkan modal, bertambah nilai tinggi, berasaskan pengetahuan, berorientasikan eksport dan sebagainya. Ini adalah selaras dengan Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11) yang bertujuan mengurangkan pergantungan kepada pekerja asing yang tidak mahir, sebaliknya menyediakan pekerjaan berpendapatan tinggi yang memerlukan tenaga kerja mahir.

Sebagai contoh, 3,600 rakyat tempatan (warganegara Malaysia) bakal menjalani program latihan industri yang memfokuskan kepada memenuhi keperluan tenaga kerja dalam bidang pembinaan projek mega Laluan Rel Pantai Timur (ECRL).

Huawei misalnya, telah memulakan operasinya di Malaysia dengan penubuhan Pusat Latihan Global, Pusat Pengalaman Pelanggan, Pusat Inovasi & Integrasi Pelanggan Huawei South Pacific (CSIC) dan Pusat Data Hosting di Malaysia. Pada 2016, Huawei telah menubuhkan ibu pejabat serantau di Kuala

Lumpur, yang akan memanfaatkan teknologi maklumat dan komunikasi Malaysia untuk memenuhi keperluan pelanggan di rantau Pasifik Selatan.

(iv) Penembusan Produk PKS di Pasaran Luar

Malaysia menerima manfaat yang signifikan dalam perdagangan elektronik (e-dagang) melalui kerjasama dengan Alibaba, iaitu pengendali e-dagang terbesar dunia. Platform digital Alibaba bukan sahaja digunakan di China, malah diguna pakai oleh hampir 200 buah negara lain. Syarikat tersebut yang ditubuhkan pada 1999, telah menjadi 'hos' kepada hampir 10 juta peniaga pada ketika ini.

Kesediaan Alibaba untuk menjadi peneroka awal Digital Free Trade Zone (DFTZ) di Malaysia adalah satu kejayaan besar kepada Malaysia. Kerjasama ini membolehkan syarikat Malaysia menggunakan platform Alibaba untuk mempromosi produk dan perkhidmatan mereka di pasaran antarabangsa.

6. Hubungan erat dari segi perdagangan, pelaburan dan industri dua hala akan memastikan rakyat jelata mendapat faedah daripada penambahbaikan kemudahan infrastruktur dan kemudahan sosial yang lebih baik, taraf hidup yang lebih tinggi, peluang pekerjaan yang lebih baik dan lebih banyak peluang keusahawanan.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI IKMAL HISHAM
BIN ABDUL AZIZ [TANAH
MERAH]**

TARIKH : 2 OGOS 2017 (RABU)

SOALAN : 13

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN
WILAYAH** menyatakan apakah matlamat Dasar
Baharu Luar Bandar yang akan dibentangkan Ogos ini
dan apakah kesan kepada rakyat luar bandar.

JAWAPAN :

Tuan Yang diPertua,

Dasar Pembangunan Luar Bandar Transformasi Nasional 2050 (DPLB TN50) ini bertujuan untuk menyediakan halatuju strategik pembangunan luar bandar yang holistik dan inklusif mengambilkira keperluan dan aspirasi negara pasca 2020. Ianya juga selaras dengan agenda Program Dialog Nasional Malaysia 2050 (Transformasi Nasional 2050 – TN50) yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri semasa ucapan Bajet 2017.

DPLB TN50 ini akan menyediakan kerangka makro dan garis panduan pelaksanaan perancangan pembangunan luar bandar di masa akan datang oleh semua Kementerian/Agensi berkaitan, mengambilkira dasar/polisi/pelan/program sedia ada, aspirasi Transformasi Luar Bandar dan keperluan sejagat. Ianya akan menjadi teras kepada pembangunan kawasan luar bandar yang lestari dan mampan ke arah Malaysia negara maju berpendapatan tinggi.

Tiga (3) prinsip utama digariskan dalam membangunkan DPLB TN50 ini adalah seperti berikut:

1. Lestari – Membangunkan luar bandar secara lestari dengan mengutamakan kualiti dan kesejahteraan hidup bermasyarakat;
2. Inklusiviti – Pembangunan luar bandar tanpa mengira gender, kaum dan kedudukan geografi untuk keseimbangan; dan
3. Holistik – Menggubal dasar pembangunan luar bandar yang selari dengan dasar/polisi/pelan/program nasional sedia ada dan keperluan global dan sejagat.

Sebanyak sembilan (9) teras mendasari DPLB TN50 iaitu;

1. Pembangunan Belia Luar Bandar;
2. Ekonomi;
3. Keusahawanan;
4. Modal Insan Berkualiti;
5. Kehidupan Sihat dan Sejahtera;
6. Prasarana Luar Bandar;
7. Biodiversiti dan Alam Sekitar;

8. Sistem Penyampaian dan Tadbir Urus Berkualiti;
dan
9. Pembangunan Wilayah, Petempatan dan
Persempadanan Desa.

Adalah diharapkan melalui DPLB TN50 ini, kesejahteraan dan kualiti hidup masyarakat di luar bandar akan terus dipertingkatkan.